

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Rabu, 28 Februari 2018

M/S : 83

BH Rabu, 28 Februari 2018

Ms.83

→ SASTERA & BUDAYA

Manuskrip Melayu warisan pemikiran

● Karya terkandung falsafah kehidupan bangsa

Oleh Hafizah Iszahani
hafiza@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kehebatan bangsa Melayu tersembunyi di dalam manuskrip Melayu, meskipun sebahagian anak bangsa sanggup memperlekehkannya.

Mereka jahil terhadap hakikat Melayu sebagai bangsa pintar, tinggi adab dan falsafahnya seperti yang dapat disingkap dalam puluhan ribu manuskrip Melayu di seluruh dunia, yang sama sekali berlainan dengan penulisan bangsa lain.

Pengarah Muzium Institut Peradaban Islam Antarabangsa dan Dunia Melayu (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Prof

Madya Dr Muhammad Pauzi Abd Latif menyarankan orang yang mahu mengenal kehebatan orang Melayu, supaya membaca manuskrip Melayu kerana di situ lah letaknya pemikiran dan falsafah kehidupan orang Melayu.


“Manuskrip Melayu bukan hanya menyimpan hal agama tetapi juga ilmu mengenai kehidupan, termasuk panduan mentadbir negara, undang-undang, ilmu persuratan dan kesasteraan.

“Malah ada manuskrip Melayu yang memberi panduan untuk mencari jodoh juga kelicikan menjatuhkan lawan,” katanya kepada *Sastera & Budaya* di ISTAC di sini, baru-baru ini.

Jadi rujukan Barat

Beliau berkata, hal itu menyebabkan manuskrip Melayu menjadi bahan rujukan utama Barat sebelum mereka datang menjajah alam Melayu.

Muhammad Pauzi yang juga pemiat barang antik dan memiliki lebih 400 manuskrip Melayu dalam simpanan peribadinya berkata, kebanyakan manuskrip Melayu sebenarnya diwariskan dari satu ge-



[FOTO SUPIAN AHMAD/BH]

Muhammad Pauzi
menunjukkan
manuskrip lama yang dimilikinya.

nerasi kepada generasi yang lain.

“Ia bukan untuk dijual tetapi untuk pembelajaran dan panduan generasi akan datang, tetapi penjual barang antik akan menjual apa-apa sahaja.

“Ada juga manuskrip yang dijual itu memang jelas tertulis di kulinnya, ‘haram untuk dijual’ tetapi ia tetap bertukar tangan.

“Mungkin kerana mereka tidak pandai membaca jawi atau mungkin juga kerana mereka memang tidak peduli,” katanya.

Muhammad Pauzi berkata, sebagai pengumpul, beliau biasanya mengetahui kewujudan manuskrip daripada penjual barang antik, selain pihak tertentu yang meminta pertolongannya mencari manuskrip berkenaan.

Selama lebih 20 tahun terbabit dalam aktiviti yang disifatkan sebagai ‘memburu manuskrip Melayu’, beliau pernah membeli manuskrip pada kadar serendah RM10, manakala paling mahal pulak mencecah RM30,000.

Sebahagian daripada manuskrip itu dijual semula kepada agensi kerajaan seperti Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) atau disimpan

sebagai koleksi peribadinya.

“Dalam himpunan peribadi saya kini, terdapat beberapa naskhah manuskrip yang sangat unik, misalnya yang menceritakan bagaimana menjadikan jin sebagai khasanah menggunakan ayat Kursi.

“Selain itu, manuskrip bertajuk *Peraturan Bermain Football* yang ditulis sekitar 1912. Bayangkan pada 1912, sudah ada manuskrip peraturan bermain bola sepak.

“Paling unik ia bukan tatacara bermain bola sepak sebaliknya bagaimana menjadi juara dan menawarkan pihak lawan,” katanya.

Muhammad Pauzi turut berkongsi, beliau pernah gagal membeli manuskrip yang dicari disebabkan harga yang ditawarkan terlalu tinggi.

“Saya pernah bertemu manuskrip di Pattani Thailand yang bertajuk *Cara-Cara Membuat Emas*. Bayangkan Pattani bukan ada lombong emas, tetapi wilayah itu membayar ufti emas kepada Kerajaan Siam, jadi bagaimana mereka memperoleh emas?” katanya.

Bagaimanapun manuskrip itu gagal untuk dimiliki kerana pemiliknya mengambil keputusan

membakar manuskrip berkenaan kerana ia menjadi rebutan.

Nilai tinggi manuskrip tulen

Muhammad Pauzi berkata, manuskrip Melayu tulen sukar ditemui malah disebabkan harganya tinggi, terdapat penjual barang antik yang mengambil kesempatan menjual manuskrip tiruan.

“Ciri-ciri tiruan itu mudah dikesan kerana kertas dan dakwat yang digunakan adalah dari zaman moden. Selain jenis tulisan jawi yang digunakan,” katanya.

Muhammad Pauzi berkata, manuskrip Melayu juga tidak boleh ditemui di sebarang tempat.

“Biasanya ia akan hanya ditemui di lokasi yang pernah menjadi pusat ilmu seperti di Pantai Timur Semenanjang hingga ke Pattani.

Manuskrip Melayu ialah warisan pemikiran bangsa Melayu dan sejak dulu saya tidak minat untuk menjualnya kepada pembeli dari luar Malaysia,” katanya.

Muhammad Pauzi berkata, beliau tidak berminat membuat wang melalui manuskrip Melayu tetapi mahu bertanggungjawab pada warisan bangsa.